

8  
Bit: Nasional 28/1/23

## Lebih 456,000 nikmati pelarasan kos sara hidup PERKESO

Kuala Lumpur: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) melaksanakan pelarasan kos sara hidup bagi semua penerima faedah berkala dan kenaikan kadar pencen minimum di bawah Skim Keilatan PERKESO, berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pelaksanaan kedua-dua inisiatif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) itu dijangka memberi manfaat kepada lebih 456,000 penerima faedah PERKESO.

Katanya, mereka yang mendapat manfaat adalah penerima faedah PERKESO di bawah Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan di bawah Akta 4 seperti Faedah Hilang Upaya Kekal, Faedah Orang Tanggungjawab, Pencen Ilat dan Pencen Penakat.

Beliau berkata, pelarasan yang dilaksanakan kepada faedah berkala dan pencen yang dibayar kepada penerima faedah berupaya membantu mereka menanganinya peningkatan kos barangan dan perkhidmatan di negara ini, terutama dalam menuruskan ke-  
+  
lanjungan hidup mereka.

"Inisiatif pelarasan kos sara hidup bagi penerima faedah berkala sedia ada dan kenaikan kadar pencen minimum adalah lanjutan daripada Kajian Penilaian Aktuari ke-11 oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

"Ya mengambil kira keadaan sosial dan ekonomi semasa di Malaysia, kesan daripada pandemik COVID-19, peningkatan kos sara hidup dan kenaikan kadar inflasi.

"Kedua-dua langkah ini membabitkan perbelanjaan RM234 juta," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohammed Azman berkata, pelarasan kos sara hidup untuk faedah berkala PERKESO dijangka memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima faedah dan membabitkan anggaran perbelanjaan berjumlah RM213 juta.